

## **MH370: Jangan cemarkan nama Malaysia**

**Free Malaysia Today**

**31 March 2014**

**Oleh FMT Staff**

PETALING JAYA: Pihak pembangkang berhak untuk mengkritik pihak kerajaan, tetapi jangan sampai mencemarkan nama Malaysia di mata dunia.

Menurut Ketua Pemuda Gerakan, Tan Keng Liang (gambar) pembangkang sering menjadikan perkara ini sebagai modal politik mereka.

“Mereka telah mengeluarkan pelbagai kenyataan negatif mengenai tragedi MH370 tersebut,” katanya dalam satu kenyataan kepada FMT.

“Termasuk kritikkan terhadap operasi mencari pesawat yang hilang,” katanya lagi.

Tambahnya, sebagai sebuah negara yang demokratik, pihak pembangkang berhak untuk mengkritik polisi dan tindakan kerajaan, namun harus mengelak daripada mengeluarkan kenyataan yang dapat memburukkan nama negara.

“Dalam tragedi MH370, sebanyak 26 negara lain, termasuk negara China, turut terlibat dalam operasi mencari pesawat yang hilang,

“Isu ini tidak hanya membabitkan negara kita sahaja dan kritikan terhadap kerajaan mengenai operasi mencari pesawat MH370 adalah tidak munasabah.

Keng Liang juga mengingatkan pihak pembangkang agar berhati-hati dalam mengeluarkan sebarang kenyataan, kerana apa-apa kenyataan mereka dalam laman media sosial akan dibaca oleh keluarga mangsa-mangsa tragedi MH370, termasuk warga negara China.

Beliau juga yang mewakili pihak Pemuda Gerakan berharap pihak pembangkang akan ketepikan kepentingan politik mereka dalam tragedi MH370.

“Jangan burukkan nama negara kita,” gesanya.

Sebelum ini, pada 8 Mac, perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing pesawat Malaysia Airlines (MAS) penerbangan MH370 yang membawa seramai 227 orang penumpang dan 12 orang anak kapal telah terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Udara Subang jam 2.40 pagi ini di ruang udara Vietnam.

Pada 24 Mac lalu juga, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak juga mengumumkan bahawa penerbangan MH370 berakhir di selatan Lautan Hindi selapas dimaklumkan oleh wakil Cawangan Siasatan Nahas Udara (AAIB) dari Britain.

Copyright © 2013 – Free Malaysia Today

Source: <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/03/31/mh370-pembangkang-berhak-kritik-kerajaan-tetapi-jangan-mencemarkan-nama-malaysia/>